

07/03/1997

Mindanao perlu kepakaran usahawan Malaysia

Kadir Dikoh

MINDANAO di Selatan Filipina yang sedang memasuki ambang program pembangunan dan pemulihan ekonomi setelah diberi taraf autonomi, sedang menunggu kedatangan pelabur untuk membantunya.

Gabenor wilayah autonomi itu, Nur Misuari sedang mencari-cari pelabur yang diyakininya supaya Mindanao - kepulauan miskin yang terabai selama ini mencapai tahap pembangunan seperti wilayah lain di rantau ini.

Dalam satu pertemuan dengan Berita Harian di Kuala Lumpur baru-baru ini, pemimpin Barisan Kebangsaan Pembebasan Moro (MNLF) itu tidak berselindung lagi dengan niatnya ingin melihat kedatangan pelabur Malaysia menanam modal di kepulauan yang diperintahnya itu.

"Saya menjangka pelabur Malaysia yang terbanyak di antara pelabur asing di Mindanao nanti. Malah, ramai lagi dijangka akan turut melabur untuk beberapa tahun akan datang, insyaAllah," katanya yang berkelulusan sarjana sains politik dari Universiti Filipina.

Jika itulah hakikatnya, apakah kepulauan Mindanao akan menjadi "Kemboja kedua" bagi pelabur Malaysia apabila menguasai pelaburan di situ nanti seperti mana mereka menguasai program pembangunan ekonomi di Phom Penh (Kemboja) sekarang?

Bagaimanapun, menurut Misuari, negara seperti Amerika Syarikat, Jepun, China dan Jerman turut berminat melabur di wilayah itu, sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun dari sekarang, apabila Pelan Induk Pembangunan Mindanao siap dirangka.

Misuari berada di ibu negara baru-baru ini kerana menghadiri Sidang Kemuncak Tokoh Perniagaan Islam Sedunia. Majlis itu digunakan oleh Misuari memperjelaskan kedudukan ekonomi Mindanao dan hasratnya menjemput pelabur asing terutama dari negara Islam termasuk dari Asia Barat untuk menanam modal di Selatan Filipina.

Dalam tempoh peralihan sementara ini, wilayah berkenaan sedang menyediakan program pembangunan prasarana termasuk program pembesaran jalan raya, kemudahan telekomunikasi, projek pelabuhan, lapangan terbang dan tidak ketinggalan merebut peluang dalam bidang teknologi angkasa serta maklumat.

Malah, sudah ada sebuah syarikat swasta di negara kita membenarkan pesawat 64 tempat duduknya untuk Mindanao setelah menyedari kepulauan itu amat memerlukannya dalam tempoh peralihan sekarang bagi mempercepatkan pembangunan sektor pengangkutan.

Menurut Misuari, sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) iaitu Promet Bhd (Promet) berhasrat merancang membina laluan kereta api yang menghubungkan bandar penting dan kota raya di Mindanao.

Promet adalah syarikat yang terbabit dalam kegiatan pembinaan prasarana dan pembinaan. Difahami, kerajaan Filipina sudah meluluskan projek kereta api itu dan bersedia menyalurkan insentif fiskal dan bukan fiskal kepada pelabur asing atau dari Kawasan Pertubuhan Pembangunan Asean Timur (EAGA).

Promet juga dikatakan berminat menerokai bidang perkapalan bagi mengambil kesempatan daripada dagangan antara Mindanao dan jirannya di EAGA yang meliputi Malaysia (Sabah/Sarawak), Brunei, Indonesia (Kalimantan) dan Selatan Filipina.

Malah syarikat itu juga merancang menyertai pembangunan perumahan kos rendah dan kawasan perindustrian berikutan timbul minat yang kian bertambah di kalangan syarikat asing untuk mendirikan kilang di Mindanao.

Laporan dari Manila baru-baru ini menyebut, selain Promet, sekurang-kurangnya empat firma dari Malaysia sudah menyatakan hasrat untuk melabur di Mindanao walaupun berlaku masalah berkisar kepada Renong Bhd yang gagal untuk membeli Manila Hotel baru-baru ini.

Antaranya, Tahir-Suria Holdings, satu lagi syarikat Malaysia, juga dikatakan berminat melabur dalam projek peranginan marina dan berkaitan eko-pelancongan di situ.

Bagi Misuari, minat yang ditunjukkan pelabur asing adalah ibarat "menyurung bantal kepada orang yang sedang mengantuk" pada ketika Mindanao amat memerlukannya.

"Setelah 28 tahun berjuang yang diakhiri dengan perjanjian damai September lalu, kami amat memerlukan kepakaran asing terutama dari Malaysia yang boleh dijadikan model dalam pelbagai bidang tertentu. Banyak peluang yang boleh diraih termasuk industri pelombongan nikel, bauksit dan emas.

"Semua pihak khususnya pelabur asing tidak perlu khuatir mengenai keselamatan mereka kerana langkah sedang diambil bagi memulihkan keadaan kepulauan itu seperti sedia kala," katanya.

Katanya, Mindanao yang mempunyai pelbagai sumber galian, hutan dara dan persekitaran yang cantik mempunyai potensi besar untuk dimajukan.

Beliau berkata, pintu pelaburan terbuka dan kerajaan autonominya di situ adalah penentu segala dasar tanpa perlu dirujuk kepada kerajaan pusat pimpinan Fidel Ramos kecuali berkaitan dasar luar negara.

Katanya, antara 20 wilayah di Filipina, Mindanao dianggap termiskin dan hanya baru-baru ini setelah termeterai perjanjian bersejarah itu, barulah kerajaan Filipina meluluskan pelbagai peruntukan untuk pembangunan tetapi jumlahnya masih jauh daripada mencukupi. Misuari yang juga Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan bagi Selatan Filipina (SPCD) mengakui bukan mudah untuk membangun Mindanao apatah lagi setelah kira-kira 200,000 umat Islam terbunuh dalam peperangan selama ini.

"Kita bersungguh-sungguh untuk membina semula masyarakat Mindanao tanpa mengira fahaman agama. Ada tiga komuniti iaitu Islam, Kristian dan bukan Islam pribumi.

"Saya sudah menyatakan hasrat meminta bantuan daripada Presiden Suharto dan Dr Mahathir untuk pembangunan Mindanao dan masing-masing berjanji untuk memenuhi permintaan saya itu.

"Di Jepun, sebahagian peniaga juga sudah menyatakan minat seperti melabur dalam projek perumahan di Mindanao. Begitu juga peniaga Korea, Sepanyol, China dan Belanda," katanya.

Beliau berkata, kerajaan Filipina turut mengembalikan Amanah Bank untuk ditadbirkan sepenuhnya berasaskan perbankan Islam oleh wilayah autonomi Mindanao.

Misuari yakin Malaysia, Brunei dan Indonesia mampu memberi sumbangan bermakna bagi merealisasikan makna perjanjian damai itu dalam konteks pembangunan ekonomi lebih menyeluruh di Mindanao serta sokongan negara lain dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

(END)